

**WARNA SETEMPAT DALAM NOVEL TRILER  
JOHN GRISHAM DAN RAMLEE AWANG  
MURSHID: SUATU KAJIAN PERBANDINGAN**

**NUR IZWANI BINTI MOHAMAD NOOR**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2021**

**WARNA SETEMPAT DALAM NOVEL TRILER  
JOHN GRISHAM DAN RAMLEE AWANG  
MURSHID: SUATU KAJIAN PERBANDINGAN**

oleh

**NUR IZWANI BINTI MOHAMAD NOOR**

**Tesis yang diserahkan  
untuk memenuhi keperluan  
bagi Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2021**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya tesis ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah penyelia, Dr. Halimah Mohamed Ali dan Profesor Dato' Dr. Sohaimi Abdul Aziz kerana telah memberi panduan dan bimbingan yang baik sepanjang proses tesis ini disiapkan. Penghargaan juga diberikan kepada semua pensyarah bahagian Kesusasteraan dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang atas segala tunjuk ajar yang telah diberikan semenjak dari saya mula belajar di universiti pada tahun 2008. Terlalu banyak jasa dan bakti para pensyarah dalam mencurahkan ilmu kepada saya dan rakan-rakan. Tidak dilupa juga kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang memberikan biasiswa MyPhD sepanjang saya menghabiskan pengajian. Tanpa biasiswa ini, tidak mungkin pengajian saya dapat diteruskan. Ucapan terima kasih juga diajukan kepada staf-staf perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia, Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah memberikan kerjasama dalam membekalkan bahan bagi menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga buat suami, Mohd Rodzi Abdul Mutalib yang banyak memberikan semangat dan dorongan sehingga penulisan tesis dapat disiapkan. Tidak dilupa penghargaan kepada emak, Siti Rohana binti Sahid dan Maimunah binti Mat serta ayah, Abdul Mutalib bin Arof yang memahami keadaan saya walaupun penulisan tesis ini mengambil masa yang lama. Penghargaan ini juga buat arwah ayah yang dirindui, Mohamad Noor bin Ismail. Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang membantu dan memberi kemudahan dalam proses penulisan ini, semoga Allah memberi kemudahan buat semua yang telah menolong. Seterusnya, semoga tesis ini dapat memberi sumbangan dalam bidang kesusasteraan.

## JADUAL KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN.....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN.....</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN.....</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRAK.....</b>	<b>x</b>
<b>ABSTRACT.....</b>	<b>xi</b>
<b>BAB 1           PENDAHULUAN.....</b>	<b>1</b>
1.1   Pendahuluan.....	1
1.2   Permasalahan Kajian.....	4
1.3   Objektif Kajian.....	6
1.4   Skop Dan Batasan Kajian.....	7
1.5   Kepentingan Kajian.....	13
1.6   Tinjauan Kajian Lepas.....	14
1.7   Metodologi Kajian.....	24
1.7.1   Warna Setempat.....	34
1.7.2   Kod Sastera.....	38
1.7.3   Kaedah Kajian.....	50
1.8   Organisasi Tesis.....	51
<b>BAB 2           GENRE TRILER, KOD SASTERA &amp; WARNA                   SETEMPAT.....</b>	<b>53</b>
2.1   Pendahuluan.....	53
2.2   Genre Triler.....	53
2.3   Perkembangan Triler dan Perkongsian Elemen Crime Fiction.....	57

2.4	Warna Setempat .....	80
2.5	Warna Setempat Sebagai Kod Sastera .....	90
2.6	Kod Sastera .....	93
2.6.1	Kod <i>Hermeneutic</i> (HER) .....	95
2.6.2	Kod <i>Proairetic</i> (ACT).....	99
2.6.3	Kod <i>Semic</i> (SEM) .....	105
2.6.4	Kod <i>Symbolic</i> (SYM).....	110
2.6.5	Kod <i>Cultural</i> (REF) .....	115
2.7	Penutup.....	120
<b>BAB 3</b>	<b>ANALISIS KOD SASTERA DALAM NOVEL-NOVEL JOHN GRISHAM.....</b>	<b>122</b>
3.1	Pendahuluan .....	122
3.2	Analisis <i>The Confession</i> .....	126
3.3	Analisis <i>The Racketeer</i> .....	134
3.4	Analisis <i>Sycamore Row</i> .....	146
3.5	Analisis <i>Gray Mountain</i> .....	157
3.6	Penutup.....	168
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS KOD SASTERA DALAM NOVEL-NOVEL RAMLEE AWANG MURSHID .....</b>	<b>170</b>
4.1	Pendahuluan .....	170
4.2	Analisis <i>Mandatori</i> .....	173
4.3	Analisis <i>Pei Pan</i> .....	181
4.4	Analisis <i>Rahsia Perindu</i> .....	193
4.5	Analisis <i>Fiksyen 302</i> .....	205
4.6	Perbandingan Warna Setempat .....	221
4.7	Warna Setempat Sebagai Kod Dalam Karya Grisham Dan Ramlee .....	264
4.8	Penutup.....	266

<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN.....</b>	<b>269</b>
5.1	Pendahuluan .....	269
5.2	Rumusan Kajian .....	269
5.3	Dapatan Kajian .....	271
5.4	Cadangan.....	277
5.5	Penutup.....	278
	<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>279</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1    Kod Sastera dan Fungsi.....	119

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1      Kerangka Teori dan Konseptual.....	49



## SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
RRT	Reader Response Theory
MPD	Multiple Personality Disorder
FBI	Federal Bureau of Investigation
SOP	Standard Operating Procedur
HER	Hermeneutic
ACT	Proairetic
SEM	Seme
SYM	Symbolic
REF	Cultural
RICO	Racketeer Influenced and Corrupt Organizations Act
FBI	Federal Bureau of Investigation

## **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran A Pengarang Amerika Syarikat
- Lampiran B Novel-novel triler John Grisham yang dikaji
- Lampiran C Pengarang Malaysia
- Lampiran D Novel-novel triler Ramlee Awang Murshid yang dikaji

# WARNA SETEMPAT DALAM NOVEL TRILER JOHN GRISHAM DAN RAMLEE AWANG MURSHID: SUATU KAJIAN PERBANDINGAN

## ABSTRAK

Ramlee Awang Murshid dan John Grisham merupakan pengarang novel triler yang berasal dari dua buah negara berbeza. Walaupun berbeza negara, namun kedua-dua pengarang ini membawa genre yang sama, iaitu triler. Kajian ini dilakukan bagi menjawab permasalahan yang timbul. Adakah warna setempat ini memberi keunikan pada novel-novel triler yang dihasilkan? Seterusnya, apakah kelainan-kelainan itu dan apakah fungsinya dalam karya berkenaan? Adakah ia berfungsi sebagai kod sastera? Bagaimana keberkesanan warna setempat itu sebagai kod sastera? Kajian ini melihat kepada perbandingan warna setempat dalam karya kedua-dua pengarang. Karya triler Grisham yang dipilih ialah *The Confession* (2010), *The Racketeer* (2012), *Sycamore Row* (2013), dan *Gray Mountain* (2014). Manakala karya daripada Ramlee pula ialah *Mandatori* (2000), *Pei Pan* (2002), *Rahsia Perindu* (2005), dan *Fiksiyen 302* (2011). Penemuan daripada kajian ini ialah keunikan warna setempat yang terpamer melalui gambaran realiti dalam karya. Selain itu, keunikan warna setempat juga dapat mencirikan sesebuah kawasan. Dapatan kajian juga memperlihatkan warna setempat boleh dijadikan sebagai kod sastera. Menerusi kajian ke atas karya daripada kedua-dua pengarang, warna setempat boleh dijadikan sebagai kod *REF* (rujukan) atau *cultural*, yang merupakan salah satu kod Roland Barthes. Terdapat persamaan dan perbezaan yang ditemui hasil daripada perbandingan antara karya kedua-dua pengarang.

**LOCAL COLOUR IN THE THRILLER NOVELS OF JOHN GRISHAM  
AND RAMLEE AWANG MURSHID: A COMPARATIVE STUDY**

**ABSTRACT**

Ramlee Awang Murshid and John Grisham are the authors of thriller novels from two different countries. Despite being from different countries, these two authors carry the same genre, that is thriller. This study aims to answer some of the problems that arise. Among the problems is whether this local colour gives uniqueness to the production of thriller novels? Next, what are the variations and what is their function in the work? Does it function as a literary code? How effective is that local colour as a literary code? This study looks at the comparison of local colour in the works of both authors. Grisham's selected thriller works are *The Confession* (2010), *The Racketeer* (2012), *Sycamore Row* (2013), and *Gray Mountain* (2014). While the works of Ramlee are *Mandatori* (2000), *Pei Pan* (2002), *Rahsia Perindu* (2005), and *Fiksyen 302* (2011). The finding from this study is the uniqueness of local colours that are exhibited through the depiction of reality in the work. In addition, the uniqueness of local colours can also characterize an area. The findings of the study also show that local colours can be used as a literary code. Through the study of works from both authors, local colour can be used as a REF (reference) or cultural code, which is one of Roland Barthes's codes. There are similarities and differences found as a result of comparisons between the works of the two authors.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pendahuluan

Triler<sup>1</sup> adalah salah satu genre yang menarik. Genre ini tidak tertumpu kepada elemen percintaan sahaja, tetapi mempunyai gabungan daripada kepelbagaian elemen lain seperti penyiasatan, misteri, serta pembunuhan. Menurut Martin Rubin, *it attaches itself easily to such genres as spy, horror, and various subsets of the crime film;...* (1999: 4). Kenyataan Rubin ini memperlihatkan triler sebagai satu genre yang fleksibel dan boleh digabung bersama genre lain. Genre triler ini telah bercambah menjadi beberapa sub-genre triler yang lain. Contoh sub-genre triler yang terdapat di pasaran adalah seperti triler psikologi, triler jenayah, triler erotik, triler misteri, triler undang-undang, triler teknologi, triler komedi, triler penyiasatan, dan triler seram.

Genre triler terdapat dalam dua bentuk seni, iaitu sastera dan filem. Kajian ini memfokuskan kepada sastera, iaitu novel genre triler. Novel triler juga adalah antara novel paling popular dan paling laris di pasaran. Buktinya, “pengasas Buku Fixi Sdn Bhd, Amir Muhamad, berkata berdasarkan pengalamannya mengendalikan Buku Fixi, genre yang paling laris ialah kisah seram dan thriller” (<https://www.bharian.com.my/>). Kenyataan ini memperlihatkan genre triler diterima dan diminati oleh masyarakat Malaysia. Genre triler ini diminati kerana mempunyai kelainan dalam penceritaannya. Kelainan itu adalah mempunyai ciri-ciri yang menarik seperti mempunyai aksi,

---

<sup>1</sup> Perkataan *thriller* akan diterjemahkan sebagai triler di dalam ayat seterusnya.

terdapat unsur yang mengerikan dan saspens. Menurut Joyce G. Saricks, triler berkongsi elemen dengan genre lain seperti genre Saspens, genre *Adventure* dan genre Misteri (2001: 313). Oleh itu, dalam genre triler pembaca dapat menemukan pelbagai aksi yang mendebarkan serta mempunyai misteri yang menimbulkan tanda tanya dan memberikan kesan saspens daripada peristiwa-peristiwa yang dimasukkan. Contoh aksi yang seringkali ditemui dalam novel triler ialah aksi tembak menembak dan pergaduhan. Misteri pula dapat dilihat menerusi watak-watak yang diwujudkan oleh pengarang sama ada watak tersebut baik ataupun jahat. Seperti yang dinyatakan Saricks, *as in Suspense, the role of the readers of thrillers is to watch, to follow the action step-by-step, and, in the best, to participate intellectually and emotionally in the unraveling of the plot complications* (2001: 313). Pembaca tidak hanya membaca tetapi juga turut serta dalam merungkai plot yang rumit untuk diselesaikan. Maka, emosi para pembaca dirangsang ketika proses merungkai plot berkenaan.

Terdapat dua penulis novel triler yang menjadi pilihan kajian ini. Salah seorang penulis novel triler terkenal di dunia ialah John Grisham yang berasal dari Amerika Syarikat. Malaysia juga mempunyai novelis triler yang tidak kurang hebat, iaitu Ramlee Awang Murshid. Beberapa karya yang dihasilkan oleh kedua-dua pengarang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Bagi menghasilkan karya daripada genre triler ini, seseorang pengarang itu boleh dikatakan hebat kerana mampu untuk menghasilkan penceritaan yang dapat merangsang emosi para pembaca. Bagi menghasilkan karya triler sebegini, maka seseorang pengarang itu memerlukan kemahiran tertentu. Kemahiran tersebut ialah boleh menggunakan tiga teknik sastera, iaitu *plot twists*, *red herring*, dan *cliff hanger* dalam penghasilan genre triler. Maksud *plot twist* ialah plot

yang berpusing dan peranan plot sebegini adalah, *play a major role and keep the reader guessing, not necessarily about the outcome, but about exactly how the triumph will be affected* (Saricks, 2001: 318). *Plot twist* ini mempunyai peranan yang penting dalam penceritaan triler dan membiarkan para pembaca dalam keadaan berteka-teki.

Leanne Dodd menyatakan takrifan *red herring* berdasarkan kepada pandangan Laurie R. King dan Michelle Spring dalam artikelnya “Plot Interrupted: Reproducing the Narrative Benefits of Trauma Fiction in Crime Fiction”, *false clues planted by the author, are stock devices used in crime fiction ‘to distract the reader by dragging an enticing alternate scent across the story’* (<https://textjournal.scholasticahq.com/>). Berdasarkan kepada takrifan ini, petunjuk palsu sengaja diletakkan dalam karya dengan tujuan mengalih perhatian pembaca. Seterusnya, maksud *cliff hanger* menurut Rubin,

*The most significant element developed by the serials of this era was the cliff-hanger (a.k.a. “hold-over suspense”), wherein each episode (except the last) ends with the hero or heroine in a seemingly hopeless predicament that is not resolved until the beginning of the following week’s episode.*

(1999: 52)

Ketiga-tiga teknik ini digunakan dalam penulisan novel triler bagi menimbulkan kesan saspens dalam diri para pembaca. Kebiasaannya, para pembaca sentiasa mahukan kepuasan daripada sesebuah penceritaan. Maka, pengarang memasukkan plot yang berpusing dan memberikan klu-klu palsu bertujuan mengelirukan pembaca lantas menimbulkan rasa ingin tahu dalam kalangan pembaca. Pengarang yang berjaya menjalinkan teknik-teknik ini dalam penceritaan genre triler, dapat memberikan kepuasan kepada pembaca daripada setiap sudut pembacaan mereka.

Genre triler tidak hanya muncul di Amerika Syarikat, malah turut muncul dan berkembang di Malaysia. Walaupun genre ini bersifat universal serta terdapat dalam banyak budaya, namun warna setempat juga menarik untuk dilihat. Oleh itu, kajian yang akan dihasilkan ini akan membandingkan warna setempat dalam novel-novel triler dari Malaysia dan Amerika Syarikat. Kajian ini dibuat untuk melihat sama ada novel Ramlee (Malaysia) atau Grisham (Amerika) banyak dipengaruhi dengan warna setempat tersebut.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Genre triler dimiliki oleh setiap negara dalam konteks yang tersendiri kerana ia merupakan sastera popular. Terdapat beberapa pengarang triler daripada pelbagai negara seperti Jesse Smith dari Afrika Selatan, Ian Walkley dari Australia, Ashwin Sanghi dari India dan Mai Jia dari China. Pengarang-pengarang ini membuktikan bahawa genre triler wujud dalam setiap negara. Genre triler bukan sahaja terdapat di negara-negara luar, malah turut terdapat juga di Malaysia. Oleh sebab itu, genre triler dinyatakan sebagai sebuah genre yang universal kerana terdapat di setiap negara, di dunia.

Meskipun genre triler bersifat universal, namun tidak semua negara mempunyai genre triler yang sama. Sudah tentu genre triler berbeza, misalnya daripada segi konteks. Hal ini kerana setiap negara memiliki kedudukan geografi, iklim serta budaya yang berbeza. Faktor-faktor ini merupakan warna setempat yang terdapat dalam sesebuah kawasan. Menurut Josephine Donovan, *it is characterized by a realistic focus upon a particular geographical locale, its native customs, its physical*



*and cultural environment, and its regional dialect* (Donovan, 2010: ix). Daripada petikan ini, warna setempat boleh dikesan menerusi faktor geografi, adat resam, budaya, dan dialek yang hanya terdapat dalam sesebuah kawasan. Perkataan “setempat” itu sendiri merujuk kepada satu kawasan sahaja. Maka, setiap kawasan mempunyai warna setempat yang tersendiri. Lantas, faktor-faktor ini menguatkan lagi perbezaan warna setempat yang dimiliki bagi setiap kawasan. Faktor-faktor dalam warna setempat ini juga cenderung mempengaruhi penghasilan genre triler terbabit. Bukan sahaja terdapat dalam genre triler, malah warna setempat ini turut juga terkandung dalam genre lain. Contohnya dalam buku *Konsep dan Warna Lokal Bali Dalam Cerpen Indonesia Periode 1920-1960* (1998) oleh I Gusti Ketut Ardhana, I Made Sudiarga, I Made Budiasa dan Ni Wayan Ngasti juga membincangkan berkenaan warna setempat yang disebut sebagai warna lokal.

Sungguhpun genre triler merupakan satu genre yang universal, namun kita tidak boleh menafikan bahawa terdapat juga warna setempat yang mewarnai genre tersebut serta memberi kelainan kepada karya-karya yang dihasilkan. Dalam bahasa Inggeris, warna setempat dikenali sebagai *local content*, *local colour*, dan *local colour writing*. Maksud *local colour* ialah, *style of writing derived from the presentation of the features and peculiarities of a particular locality and its inhabitants* (<https://www.britannica.com/art/local-color>). Seperti yang difahamkan, warna setempat merupakan gaya penulisan yang diperoleh daripada ciri-ciri dan keunikan sesebuah kawasan tertentu dan penduduk di kawasan tersebut. Warna setempat ini tidak hanya melihat faktor geografi dan lain-lain faktor, malah turut melihat kepada masyarakat dalam sesebuah kawasan.

Kemungkinan warna setempat bagi sesebuah kawasan adalah sama ataupun berbeza. Meskipun terdapat persamaan dan perbezaan dalam warna setempat, namun faktor-faktor ini yang memberikan keistimewaan dan keunikan dalam sesebuah kawasan itu. Selain berfungsi dalam penulisan karya triler, warna setempat ini juga berpotensi sebagai kod untuk memahami karya. Daripada tinjauan, telah terdapat beberapa pengkaji yang mengkaji mengenai warna setempat. Namun, kajian-kajian tersebut tidak menyentuh fungsi warna setempat sebagai kod untuk memahami karya. Walhal fungsi ini penting untuk dianalisis. Hal ini kerana, dengan meneliti warna setempat yang terdapat dalam karya dapat membantu para pembaca khususnya untuk memahami karya seandainya warna setempat tersebut berfungsi sebagai kod. Dalam menghasilkan kajian ini, terdapat permasalahan yang timbul. Pertamanya, adakah warna setempat ini memberi keunikan pada novel-novel triler yang dihasilkan? Seterusnya, apakah kelainan-kelainan itu dan apakah fungsinya dalam karya berkenaan? Adakah warna setempat berfungsi sebagai kod sastera? Bagaimana keberkesanan warna setempat itu sebagai kod sastera?

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Meneliti novel kedua-dua pengarang bagi melihat sama ada terdapat kod sastera serta menganalisis kod-kod berkenaan.
2. Membandingkan persamaan dan perbezaan warna setempat dalam novel-novel triler yang diteliti untuk memperlihatkan keunikan warna setempat itu.

3. Mengkaji fungsi warna setempat tersebut sebagai kod sastera dalam memahami makna novel-novel triler yang dikaji.
4. Meneliti keberkesanan warna setempat dalam penghasilan novel triler, untuk melihat sama ada penggunaan warna setempat berkesan bagi proses pemaknaan dalam novel triler.

#### **1.4 Skop dan Batasan Kajian**

Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji hanya menumpukan kepada dua orang pengarang yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Pemilihan pengarang adalah bergantung kepada genre pilihan yang menjadi fokus utama dalam kajian, iaitu triler. Daripada pengarang-pengarang tersebut, hanya empat buah karya daripada setiap seorang akan dikaji dengan menggunakan teori kod. Di bahagian ini akan dijelaskan mengenai pemilihan pengarang, genre dan juga teks kajian.

##### **(i) Pemilihan Pengarang**

Di Amerika Syarikat, terdapat ramai penulis novel genre triler. Antara penulis-penulis triler tersebut ialah James Patterson, Joseph Kanon, Tess Gerritsen, Mo Hayder, James Twining, dan John Twelve Hawks. Kesemua penulis-penulis tersebut masing-masing mempunyai kehebatan yang tersendiri. Namun, kajian ini memilih Grisham memandangkan beliau terkenal sebagai “Raja Triler Undang-Undang” (*King of the Legal Thriller*). Mike Ashley menyatakan, “*Known as the “King of the Legal Thriller”, John Grisham was one of the best-selling authors of the nineties, with over 60 million books in print*” (Ashley, 2002: 203). Gelaran ini diperoleh kerana Grisham

adalah salah seorang pengarang yang mempunyai permintaan tinggi terhadap novel-novelnya sehinggakan novel-novelnya dicetak dalam kadar yang banyak. Grisham dilahirkan di Jonesboro, Arkansas, pada 8 Februari 1955. Beliau adalah anak seorang buruh binaan. Beliau adalah lepasan daripada sekolah undang-undang (*law school*) pada tahun 1981 dan menjadi peguam sebelum memulakan kariernya sebagai penulis triler. Pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh Grisham ketika menjawat jawatan peguam turut mempengaruhi penulisan beliau.

*A Time to Kill* (1989) adalah novel pertama yang diterbitkan selepas mendapat inspirasi daripada salah satu kes yang ditanganinya. Perkara ini dijelaskan dalam petikan, *Despite the pressure of his work, JG had the idea for a novel arising from one of his case involving a 12- year- old rape victim* (Ashley, 2002: 203). Beliau yang sebelum ini seorang peguam, telah memulakan karier baru beliau sebagai seorang pengarang triler. Bermula daripada novel pertama, beliau terus menghasilkan novel-novel lain seperti *The Firm* (1991), *The Pelican Brief* (1992), *The Client* (1993), *The Chamber* (1994), *The Rainmaker* (1995), *The Runaway Jury* (1996), *The Partner* (1997), *The Street Lawyer* (1998), *The Testament* (1999), *The Brethren* (2000), *A Painted House* (2001), *Skipping Christmas* (2001), *The Summons* (2002), *The Appeal* (2002), *Bleachers* (2003), *The Innocent Man: Murder and Injustice in a Small Town* (2006), *Playing for Pizza* (2007), *Ford County* (2008), *The Associate* (2009), *The Confession* (2010), *Theodore Boone: Kid Lawyer* (2010), *Theodore Boone: The Abduction* (2010), *The Litigators* (2011), *The Racketeer* (2012), *Calico Joe* (2012), *Sycamore Row* (2013) dan *Gray Mountain* (2014). Antara anugerah yang telah dimenangi oleh Grisham ialah, novelnya *The Firm* telah bertahan selama 47

minggu dalam *The New York Times bestseller list*, kejayaan novel *The Pelican Brief* dan *The Client* yang mendapat tempat pertama dalam *The New York Times bestseller list*. Novel-novel Grisham juga telah dicetak melebihi 275 juta ke seluruh dunia dan diterjemahkan ke dalam 40 bahasa.

Di Malaysia pula, terdapat ramai penulis novel triler seperti Syafiq Aizat, Danial Aedy, Asmar Shah, Khairulnizam Bakeri, Naufal Tarmizi, Megat Ishak, Anastasia Aemilia dan ramai lagi yang tidak dinyatakan di sini. Namun, antara yang paling menonjol di Malaysia ialah Ramlee. “Beliau yang menghasilkan karya dengan gaya penulisan beliau yang tersendiri telah dilabelkan sebagai Penulis Thriller No.1 Malaysia” (<http://clubram.blogspot.com/>). Ramlee lahir pada 4 November 1967 di Papar, Sabah. Bapanya adalah seorang pegawai penjara. Disebabkan oleh pekerjaan bapanya sebagai pegawai penjara, maka Ramlee lebih terdedah dengan persekitaran tersebut. Perkara ini menjadi satu faktor yang membawa Ramlee kepada penulisan genre triler. “Ramlee pernah berkhidmat sebagai wartawan penyiaran di Radio Televisyen Malaysia (RTM)” (<http://clubram.blogspot.com/>). Pengalamannya sebagai wartawan dan penyiaran juga turut menyumbang kepada cara Ramlee mengarang. Maksudnya, Ramlee menghasilkan novel-novelnya dari sudut pandangan lensa kamera. Hal ini diakui oleh Ramlee melalui rakaman yang terdapat dalam RAMFC STUDIO, iaitu satu saluran *Youtube* untuk peminat-peminat Ramlee. Ramlee menyatakan,

Pandangan mata fikiran saya adalah pandangan seperti lensa kamera. Saya sebenarnya pernah bekerja di RTM (Radio Televisyen Malaysia) bahagian berita dan kemudian bahagian berita radio, berita TV dan saya *handle* dokumentari. Jadi, saya melihat daripada mata lensa kamera. Begitu juga dengan karya-karya saya.

(USIMTV, 2013)

Ramlee mempunyai pengalaman sebagai pemberita dan bekerja dalam bidang penyiaran, maka penulisannya juga turut dipengaruhi dengan pekerjaannya ini. Ternyata cara Ramlee mengarang ini menarik dan buktinya beliau memenangi beberapa anugerah.

Contoh anugerah yang telah berjaya dirangkul oleh Ramlee ialah pemenang kedua Hadiah Sako bagi Novel Nasional 2002 untuk novel *Pei Pan*, “novel *Igauan Maut* memenangi hadiah tempat kedua dalam peraduan menulis novel dewasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Sabah, novel yang sama ini juga memenangi Hadiah Sastera Negeri Sabah 1994/1995, dan beliau juga terpilih sebagai penerima hadiah Karya Sulung sempena perayaan 25 tahun DBP cawangan Sabah serta anugerah novelis prolifik daripada Alaf 21” (<http://clubram.blogspot.com/>). Anugerah-anugerah yang diperoleh oleh Ramlee ini menunjukkan penerimaan genre triler sebagai sebuah karya yang mula bertapak dalam dunia penulisan tempatan. Karya triler memberikan pendapatan yang lumayan kepada penulis. Buktinya, “melalui pendapatan beliau dalam bidang penulisan, ini diakui oleh Ramlee sendiri beliau telah dapat membeli sebuah rumah dan kereta idaman untuk keluarga beliau” (<http://clubram.blogspot.com/>). Antara karya-karya beliau ialah *Igauan Maut* (1995), *Tombiruo* (1998), *Ranggau* (1999), *Mandatori* (2000), *Anugerah Pertama* (2000), *Semangat Hutan* (2001), *ADAM (Aku Darah Anak Malaysia)* (2002), *Pei Pan* (2002),

*Satu Janji* (2003), *Tombiruo Terakhir* (2004), *Rahsia Perindu* (2005), *Hatiku di Harajuku* (2006), *Ungu Karmila* (2008), *Personal Justice* (2008), *9 Nyawa* (2010), *Rayyan Fantasi* (2011), *Fiksyen 302* (2011), *Aku Bercerita* (2012), *Magis* (2013), *Sunan: Nanggroe Sang Kembara* (2014) dan *Raudhah* (2014). Walaupun beliau memilih genre triler yang sememangnya telah bertapak di Barat, namun Ramlee menghasilkan karyanya mengikut acuan beliau sendiri. Pengalaman daripada persekitaran membantu Ramlee mencorakkan penceritaan yang berlainan daripada pengarang-pengarang triler yang sedia ada. *Igaun Maut* adalah novel pertama Ramlee ketika beliau memulakan penulisan dalam genre triler.

Kajian tidak melihat kepada pengarang triler daripada negara-negara lain, walaupun telah diketahui bahawa pengarang genre ini sememangnya banyak di negara luar. Di Amerika Syarikat, Grisham adalah pengarang yang mendapat gelaran *King of the Legal Thriller*. Manakala di Malaysia pula, Ramlee adalah salah seorang pengarang triler yang paling menonjol berbanding pengarang-pengarang lain dan terkenal dengan gelaran “Novelis Triler nombor 1 Malaysia”. Kedua-dua pengarang ini masing-masing hebat dengan gaya penulisan triler yang dibawa. Maka, pengkaji memilih untuk membandingkan di antara kedua-dua pengarang ini.

#### (ii) Pemilihan Genre

Genre yang menjadi fokus kajian ialah genre triler. Kedua-dua pengarang merupakan pengarang daripada genre yang sama, iaitu triler. Ramlee lebih kepada triler jenayah (*crime thriller*), manakala Grisham pula adalah triler undang-undang (*legal thriller*). Walaupun kedua-dua pengarang memilih subgenre yang berbeza,

namun subgenre tersebut masih di bawah satu genre yang besar, iaitu triler. Maka, secara tidak langsung karya-karya di bawah genre triler ini berkemungkinan mempunyai persamaan. Persamaan novel-novel genre triler ialah mempunyai elemen saspens dan aksi.

Kedua-dua subgenre ini juga dipilih kerana mempunyai persamaan daripada segi tema. Tema besar yang sering kali ditemui dalam karya kedua-dua pengarang tersebut ialah dendam, penganiayaan dan pembunuhan. Selain itu, subgenre ini dipilih kerana dalam kedua-dua subgenre terdapat penceritaan mengenai jenayah, penjenayah dan melibatkan profesion seorang peguam yang bertanggungjawab membela nasib anak guam mereka daripada dijatuhi hukuman yang ditetapkan di mahkamah.

### (iii) Pemilihan Teks

Daripada keseluruhan novel-novel yang dihasilkan oleh Grisham, hanya empat buah novel yang dipilih untuk kajian. Hal ini kerana, dalam novel-novel tersebut mempunyai persamaan dengan novel-novel yang dihasilkan oleh Ramlee. Begitu juga dengan pemilihan novel-novel Ramlee, kajian hanya meliputi kepada empat buah novel. Keempat-empat buah novel tersebut dipilih berdasarkan persamaan yang terdapat dalam kandungan penceritaannya. Persamaan yang dimaksudkan dalam novel daripada kedua-dua pengarang ialah mempunyai penceritaan tentang pembunuhan dan terdapat watak peguam yang memainkan peranan dalam penceritaan. Kedua-dua aspek ini terdapat dalam novel-novel Grisham dan Ramlee yang dikaji. Walaupun Ramlee mempunyai banyak novel yang telah dihasilkan, namun tidak kesemua novelnya mempunyai persamaan dengan novel Grisham, iaitu memaparkan tentang watak



peguam yang terlibat sama dalam mengendalikan kes-kes jenayah. Selain itu, kajian menumpukan kepada teks sekitar tahun 2000 dan ke atas. Bagi tahun 1999 dan ke bawah, tidak terdapat penceritaan mengenai peranan watak peguam dalam novel-novel Ramlee. Maka, karya sebelum tahun 2000 tidak akan diambil kira untuk kajian memandangkan tidak mempunyai persamaan dengan karya-karya Grisham. Penglibatan watak peguam ini penting kerana peranan watak profesional ini akan dibincangkan pada bahagian bab seterusnya, iaitu berkaitan dengan persamaan dan perbezaan dalam warna setempat.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Jika dilihat pengarang triler di Malaysia dan negara luar, sudah pasti dapat dilihat betapa banyaknya bilangan pengarang triler dari negara-negara besar seperti Amerika dan Australia. Namun, Grisham dipilih daripada kesemua pengarang triler yang ada untuk dibandingkan dengan Ramlee. Sebelum ini Ramlee pernah dikaji oleh pengkaji dalam mencari proses kreatif pengarang terbabit. Namun, pada kali ini pengkaji memilih untuk melakukan perbandingan dengan melibatkan pengarang triler dari negara lain, iaitu Amerika dan Grisham dipilih. Antara kepentingan kajian ini ialah, kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada ilmu kritikan sastera, iaitu mengkritik novel-novel triler dengan menggunakan kod sastera oleh Roland Barthes. Kajian ini juga membandingkan karya-karya dua pengarang yang berasal daripada dua buah negara, iaitu Amerika dan Malaysia untuk melihat keunikan setiap karya. Selain itu, kajian ini dapat memperluaskan kajian terhadap genre novel triler. Seterusnya, dapat memperlihatkan kepentingan warna setempat yang terdapat dalam teks berperanan

sebagai kunci untuk memahami teks. Hasil daripada kajian juga boleh menaikkan nama pengarang-pengarang yang dikaji.

## **1.6 Tinjauan Kajian Lepas**

Dalam menghasilkan kajian ini, penelitian telah dilakukan ke atas beberapa bahan yang mempunyai kaitan dengan kajian yang akan dilaksanakan. Bahan-bahan seperti tesis, buku, artikel dan sebagainya diteliti bagi mengesan sama ada terdapat kajian yang sama dengan kajian yang bakal dijalankan ini. Penelitian ke atas bahan-bahan ini juga bertujuan membuktikan bahawa kajian yang bakal dijalankan tidak mempunyai sebarang persamaan dengan bahan-bahan rujukan yang sedia ada. Selain itu, tinjauan yang dilakukan ke atas bahan-bahan lain juga dapat membantu dalam proses penulisan berikutnya ini. Perkara yang dimaksudkan ialah bahan-bahan yang diteliti dan dikenal pasti mempunyai kaitan dengan kajian ini akan digunakan sebagai rujukan bagi menyempurnakannya.

Terdapat beberapa pengkaji yang telah mengkaji berkenaan Ramlee, iaitu salah seorang pengarang yang turut dipilih untuk dibincangkan dalam penulisan ini. Antara kajian yang telah dijalankan adalah latihan ilmiah yang telah dijalankan oleh Afizayanti Gudang (2007) “Mandatori karya Ramlee Awang Murshid: Satu Penerapan Teori Konseptual Kata Kunci” yang membicarakan tentang kajian terhadap novel mandatori yang diterbitkan oleh syarikat Alaf 21 dengan menggunakan teori konseptual kata kunci ciptaan Mokhtar Abu Hassan. Kajian ini menggunakan dua konsep yang berdasarkan teori, iaitu konsep keadilan dan konsep kepimpinan. Latihan ilmiah ini tidak membincangkan mengenai warna setempat dalam penghasilan novel

tersebut. Maka, kelompongan ini memberi peluang kepada pengkaji bagi mengkaji warna setempat dalam penghasilan novel.

Seterusnya, terdapat sebuah tesis yang ditulis oleh Siti Fatimah Kassim, iaitu “Novel Bersiri Ramlee Awang Murshid: Satu Penelitian Novel ‘Cult’ ” (2011) yang membicarakan tentang sastera popular serta memberi perhatian kepada aspek novel *cult*, iaitu struktur dalaman teks, penulis, pembaca dan penerbit. Kajian ini membicarakan mengenai ciri-ciri struktur novel *cult* daripada segi tema, watak dan perwatakan, plot, dan gaya bahasa yang terdapat dalam novel bersiri Ramlee Awang Murshid. Selain itu, kajian ini juga menyatakan mengenai peranan media baru seperti media baru yang dikatakan sangat berpengaruh dan dapat menghasilkan novel *cult*, pembinaan penulis *cult* dan percambahan pembaca *cult*. Antara karya-karya yang dibincangkan dalam kajian ini adalah seperti *Bagaikan Puteri*, *Cinta Sang Ratu*, *Hijab Sang Pencinta* dan *Cinta Sufi*. Tesis ini tidak membincangkan warna setempat dalam penghasilan novel-novel yang dikaji.

Satu lagi disertasi yang pernah dihasilkan oleh pengkaji sebelum ini, iaitu “Peranan Media Baru Dalam Penghasilan Trilogi Sutera Bidadari Karya Ramlee Awang Murshid” (2013) membicarakan mengenai analisis ke atas karya-karya yang dihasilkan oleh Ramlee. Analisis yang dilakukan tersebut dilakukan dengan menggunakan teori proses kreatif dan media baru. Teori proses kreatif digunakan dalam melihat cara pengarang berkarya dengan menggunakan media baru dan teori media baru pula melihat peranan media baru dalam penghasilan karya-karya Ramlee. Sungguhpun disertasi ini telah mengkaji novel-novel yang terkandung dalam *Trilogi*

*Sutera Bidadari* oleh Ramlee, namun disertasi ini tidak membincangkan mengenai warna setempat sebagai kod dalam penghasilan novel triler.

Sebuah buku *Revisiting John Grisham: A critical Companion* (2007) yang dihasilkan oleh Mary Beth Pringle membincangkan mengenai novel-novel Grisham. Buku ini mengandungi analisis tiga elemen utama yang terdapat di dalam novel-novel yang dihasilkan oleh Grisham, iaitu plot, watak, dan tema. Antara novel-novel yang dianalisis di dalam buku ini ialah *The Partner* (1997), *The Street Lawyer* (1998), *The Testament* (1999), *The Brethren* (2000), *A Painted House* (2000), *Skipping Christmas* (2001), *The Summons* (2002), *The King of Torts* (2003), dan buku yang baru dihasilkan seperti *Bleachers* (2003), *The Last Juror* (2004), *The Broker* (2005), dan *The Innocent Man* (2006). Analisis yang dibuat hanya meliputi novel-novel Grisham. Buku ini tidak membincangkan tentang warna setempat dalam penulisan. Namun, buku ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kajian.

*Crime Fiction* (2005) oleh John Scaggs membicarakan mengenai fiksyen jenayah dengan mengambil contoh daripada beberapa buah novel, cerita pendek, filem, dan siri televisyen. Scaggs memuatkan buku ini dengan pengenalan sejarah fiksyen jenayah bermula daripada kitab Bible kepada penulis James Ellroy. Beliau juga menerangkan mengenai bahagian-bahagian yang terdapat di bawah fiksyen jenayah seperti *Mystery and Detective Fiction*, *The Hard-Boiled Mode*, *The Police Procedural*, dan *Historical Crime Fiction*. Dalam buku ini, beliau turut mengesan teks-teks dan pengulangan tema dan motif dalam konteks sejarah dan sosial. Terdapat analisis yang dilakukan ke atas novel *The Firm* (1991), iaitu salah satu novel yang dihasilkan oleh Grisham. Namun, analisis yang dilakukan tidak terlalu mendalam dan hanya

menceritakan secara ringkas mengenai watak McDeere, iaitu watak utama dalam *The Firm*. Buku ini dapat dijadikan rujukan dalam kajian yang akan dihasilkan.

Artikel “Distant Context, Local Colour: Australian ‘post September 11’ Fiction” (2010) oleh Jenn Webb adalah berkenaan analisis fiksyen selepas 11 September 2001. Fiksyen 11 September ini ialah fiksyen yang terhasil selepas peristiwa keruntuhan menara berkembar di Amerika Syarikat. Peristiwa traumatik ini telah mengesani dunia dan memberi perubahan terhadap orang awam serta Muslim. Perubahan tersebut seperti yang diterangkan oleh Webb dalam artikel beliau, iaitu kesulitan yang terpaksa dihadapi oleh orang awam yang menggunakan pengangkutan udara dan Muslim sendiri dicurigai. Keadaan ini telah menarik perhatian pengarang-pengarang bagi menghasilkan karya fiksyen sebagai tindak balas terhadap peristiwa berkenaan. Dua novel yang dianalisis oleh Webb dalam artikel beliau ialah *The Unknown Terrorist* oleh Richard Flanagan dan *Underground* oleh Andrew McGahan. Webb menyatakan dalam kedua-dua novel ini merakamkan tentang ciri-ciri budaya orang Australia baru-baru ini. Walaupun kedua-dua novel agak klise dan lebih bergantung pada kemarahan mereka dalam penghasilan novel-novel tersebut, namun kedua-dua pengarang telah memasukkan maklumat penting dalam penulisan mereka. Maklumat berkenaan ialah mengenai orang Australia dan politik Barat yang lebih meluas daripada zaman peristiwa tersebut dan memperlihatkan kerajaan negara itu sememangnya bersalah. Perkara yang dimaksudkan ialah Australia yang bertanggungjawab menyerang dan memusnahkan Canberra dalam *Underground*, manakala dalam *The Unknown Terrorist* pula, Australia juga yang menaikkan tahap keganasan. Keseluruhan artikel ini hanya membincangkan mengenai novel daripada

dua pengarang, iaitu Flanagan dan McGahan. Artikel ini walau bagaimanapun tidak menganalisis novel daripada pengarang-pengarang yang akan dikaji. Warna setempat yang menjadi fokus utama dalam kajian ini hanya melihat kepada budaya Australia dan politik Barat. Tidak seperti kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji yang melihat warna setempat sebagai kod sastera dalam novel-novel triler Amerika Syarikat dan Malaysia.

Artikel seterusnya yang dikenal pasti turut membahaskan mengenai warna setempat dalam novel ialah “*Ngayau* Sebagai Sebuah Novel Berwarna Tempatan: Satu Kajian Sosiologi Sastera” (2011) oleh Asmiaty Amat. Asmiaty memilih novel Ismail Abbas atau Amil Jaya, iaitu seorang penulis tempatan Sabah yang pertama menulis novel. Amil Jaya dinyatakan telah menghasilkan tiga buah novel, *Cerah*, *Bagaton* dan *Ngayau*. Asmiaty telah menganalisis novel *Ngayau* dengan menggunakan teori sosiologi. Novel *Ngayau* adalah novel yang memaparkan tradisi penggal kepala yang pernah berlaku di Sarawak satu ketika dahulu. Tradisi adalah salah satu bahagian daripada warna setempat. Asmiaty menjelaskan Amil yang berjaya menonjolkan tema mengenai adat dan pantang larang masyarakat Dayak di Sarawak serta pemikiran penulis yang tersirat menerusi karya yang dihasilkan. Daripada penelitian, Asmiaty menggunakan teori sosiologi ke atas novel *Ngayau*, yakni melihat masyarakat Sarawak serta warna setempat yang dipaparkan menerusi novel tersebut. Artikel Asmiaty ini mempunyai tiga bahagian, iaitu bahagian pertama penerangan mengenai latar belakang novel, masyarakat dan sosiologi yang diterangkan secara ringkas. Bahagian kedua mengenai bagaimana elemen-elemen warna setempat diterapkan dalam novel dan kesannya terhadap novel tersebut. Akhir sekali, penerangan bertumpu kepada

rumusan tentang keberkesanan penerapan warna setempat berkenaan mengikut sosiologi sastera. Didapati artikel ini hanya menyentuh berkenaan teori sosiologi dan tidak memperkatakan mengenai teori kod dalam melihat warna setempat yang diterapkan dalam novel Amil Jaya. Walaupun warna setempat dilihat menjadi subjek kajian Asmiaty, namun beliau hanya mengkaji novel daripada penulis Amil dan tidak mengkaji novel-novel lain mahupun mengambil contoh daripada novel-novel yang akan dikaji oleh pengkaji. Maka, kajian yang akan dijalankan ini dapat meluaskan lagi kajian berhubungan dengan warna setempat. Tambahan pula, pengkaji akan menggunakan teori yang berbeza dengan Asmiaty, yakni teori kod.

“Theory into Practice: Application of Roland Barthes’ Five Codes on Bina Shah’s ‘The Optimist’ (2014) ialah artikel yang dibuat oleh Waseem Hassan Malik, Sabah Zaib dan Faraz Ali Bughio. Artikel ini mengaplikasikan lima kod Barthes ke atas cerita pendek Bina Shah yang berjudul *The Optimist*. Perbincangan artikel ini meliputi ringkasan daripada kelima-lima kod Barthes, iaitu kod *hermeneutic*, *proairetic*, *semantic*, *symbolic*, dan *cultural*. Artikel ini juga menerangkan sinopsis cerita pendek *The Optimist* dan membincangkan penggunaan teori kod Barthes ke atas struktur dan tema cerita pendek berkenaan. Kod Barthes dibincangkan dalam artikel ini dengan mengambil contoh daripada *The Optimist*, iaitu daripada aspek watak dan perwatakan, tema, dan budaya yang ditonjolkan melalui watak-watak yang terlibat. Daripada keseluruhan penelitian, didapati artikel ini hanya menumpukan kepada aplikasi kelima-lima kod Barthes ke atas cerita pendek *The Optimist*. Walaupun artikel ini membincangkan mengenai kod Barthes dalam teks, namun contoh-contoh yang dikesan dan dikemukakan itu tidak dinyatakan sebagai warna setempat. Warna

setempat juga tidak diperkenalkan melalui artikel ini. Maka, kekosongan ini memberi peluang kepada pengkaji untuk menghasilkan kajian dengan melihat warna setempat yang terdapat dalam novel berfungsi sebagai kod sastera.

Terdapat juga artikel yang berkaitan dengan salah seorang pengarang yang dikaji, iaitu Ramlee Awang Murshid. Artikel tersebut ialah artikel yang ditulis oleh Sohaimi Abdul Aziz yang bertajuk “The Development of the Popular Malay Cult Novel” (2010). Artikel ini membincangkan tentang perkembangan novel Melayu popular yang menjadi kegilaan para pembaca. Contoh pengarang novel popular yang dikaji tersebut ialah Ramlee yang dikenali sebagai pengarang *thriller* nombor satu Malaysia. Artikel ini membincangkan tentang gaya pengarang *thriller* tersebut dalam menghasilkan karya-karyanya. Kesan daripada media baru juga diterangkan dalam artikel ini. Namun, penerangan tersebut hanya melihat kepada karya-karya Ramlee yang terpilih seperti tetralogi *Bagaikan Puteri* yang mengandungi empat buah novel, iaitu *Bagaikan Puteri*, *Cinta Sang Ratu*, *Hijab Sang Pencinta* dan *Cinta Sufi*. Artikel ini tidak membincangkan mengenai warna setempat dalam novel-novel yang dikaji.

“Bagaikan Puteri: Sebuah Hikayat Moden” (2006) adalah sebuah makalah yang dihasilkan oleh Mohamad Saleh Rahamad. Makalah ini membicarakan mengenai karya Ramlee Awang Murshid, iaitu *Bagaikan Puteri* yang dikatakan sebagai teks hikayat moden kerana penceritaannya memanipulasikan kepercayaan mistik Melayu. Dalam makalah ini turut tidak terlepas membicarakan mengenai konsep sastera popular memandangkan novel yang dibincangkan adalah novel yang diterbitkan oleh Alaf 21, iaitu penerbit sastera popular terkemuka di Malaysia. Walau bagaimanapun, kepercayaan melihat Melayu tidak dirujuk kepada warna setempat



sebagai kod sastera dalam penghasilan novel ini. Sungguhpun demikian kajian ini boleh dianggap sebagai satu perluasan kajian yang telah dibuat oleh Mohamad Saleeh Rahamad.

Seterusnya, sebuah artikel yang dihasilkan oleh Mohd Nazri Latiff Azmi, Mohamad Nur Shafiq Mohamad Farza, dan Mairas Abd Rahman, iaitu “A Comparative Literature of Reader Response Theory in Thriller Fictions: Sheldon vs. Ramlee” (2013). Artikel ini membandingkan dua pengarang dari Malaysia dan Amerika, iaitu Ramlee Awang Murshid dan Sidney Sheldon bagi mencari persamaan dan perbezaan kedua-dua pengarang daripada sudut pandangan *Reader Response Theory* (RRT). RRT memfokuskan kepada reaksi pembaca terhadap teks. Aspek-aspek yang dikaji ialah tema, watak, nilai murni, bahasa, dan gaya pengarang. Salah satu aspek yang diterangkan dalam artikel ini ialah mengenai tema utama yang dimiliki oleh kedua-dua novel, iaitu *Multiple Personality Disorder* (MPD) dalam RRT. Walaupun tema kedua-dua novel sama, namun berbeza dari segi penyebab MPD dan kesudahan penceritaan. Seterusnya, watak yang dicipta pula mempunyai personaliti yang banyak dan watak-watak tersebut diceritakan dalam bab-bab yang berasingan. Keadaan ini dihasilkan oleh pengarang dengan bertujuan mencipta ilusi dalam minda pembaca serta membuatkan pembaca keliru dengan watak-watak tersebut. Perbincangan dalam artikel ini tidak terlalu mendalam dan hanya menjelaskan secara ringkas setiap pembahagian, seperti maksud triler, ciri-ciri novel triler, gaya dan bahasa pengarang, konsep RRT dan maksud, dan akhir sekali menganalisis teks kedua-dua pengarang. Maka, hal ini memberi peluang kepada pengkaji untuk menghasilkan satu kajian perbandingan yang turut membandingkan pengarang yang sama dari

Malaysia dan Grisham dari Amerika dengan perbincangan yang lebih terperinci. Tambahan pula, pengkaji akan melihat teori kod bagi menganalisis novel daripada dua pengarang yang dipilih.

Selain itu, terdapat sebuah artikel yang bertajuk “How Semantics Make Better Wikis” (2006) oleh Eyal Oren, John G. Breslin, dan Stefan Decker. Artikel ini membicarakan mengenai pembinaan model ‘Wikis’ (*Wiki Wiki Webs*), iaitu *Semper-Wiki* yang mengandungi capaian yang distrukturkan (*structured access*), pandangan, bahasa anotasi/nota tambahan (*annotation language*), dan representasi ontologikal (*ontological representation*). Dalam artikel ini ada dinyatakan mengenai Grisham di bawah tajuk pengedaran *Wikis*. Pengedaran yang dimaksudkan ialah pengguna tidak dapat menyoal sistem *Wikis* bagi mendapatkan maklumat yang diinginkan kerana sistem ini tidak berstruktur tetapi lebih kepada teks sahaja. Pembentukan model *Semantic Wiki* dapat menyediakan data-data yang menerangkan dan memberi maklumat mengenai data-data lain. Sebagai contoh yang dinyatakan dalam artikel tersebut, dengan mengetahui Grisham sebagai seorang pengarang, pengguna dapat mengetahui secara automatik mengenai pengarang-pengarang lain melalui model sistem ini. Tinjauan mendapati perbincangan artikel tidak menjurus kepada analisis novel-novel Grisham. Sebaliknya, penerangan lebih tertumpu pada model *Wiki*. Artikel ini tidak membincangkan mengenai analisis ke atas novel-novel Grisham dan tidak terdapat juga penerangan tentang warna setempat dalam penghasilan novel.

Artikel yang dibuat oleh Azman Ismail, “Novel-Novel Shanon Ahmad Dalam Perspektif Etnografi Semantik” (2018) menyentuh mengenai kajian etnografi yang digunakan dalam meneliti novel-novel Shanon Ahmad. Novel-novel yang dipilih

dalam kajian ini ialah *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966), *Rentong* (1965), *Patriarch* (1991), *Terdedah* (1965), *Srengenge* (1974), *Seluang Menodak Baung* (1978), *Kemelut* (1977), *Tunggul-Tunggul Gerigis* (1989), *Igauan dan Cerita-Cerita Lain* (1996). Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada kajian tekstual dan analisis kandungan dalam melihat budaya yang terdapat dalam novel-novel Shahnnon ini. Azman Ismail mengkaji novel-novel Shahnnon dengan mengikut kepada perspektif teori etnografi semantik Goodenough (1957) yang dilihat sesuai dalam memahami berkenaan cara berfikir, struktur kebudayaan dan perilaku yang menjadi asas kepada pembentukan ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat menerusi penulisan karya-karya Shahnnon. Artikel ini mengaplikasikan teori etnografi dalam novel-novel Shahnnon sahaja. Artikel ini juga tidak membincangkan mengenai warna setempat dan teori tidak diaplikasi dalam mana-mana karya Grisham dan Ramlee. Meskipun begitu, artikel ini sangat berguna untuk memahami mengenai etnografi.

Daripada penelitian kajian-kajian lepas ini memperlihatkan bahawa kajian ke atas novel kedua-dua pengarang, Grisham dan Ramlee telah banyak dilakukan. Maka, dengan menambah kajian ke atas novel kedua-dua pengarang ini juga dapat menambahkan pengetahuan berkenaan genre triler serta warna setempat yang terpamer menerusi novel-novel mereka. Kajian yang akan dijalankan ini adalah berkenaan warna setempat dalam penghasilan novel-novel triler Grisham dan Ramlee. Daripada hasil tinjauan ini, didapati masih kurang bahan-bahan rujukan yang mengkaji berkenaan warna setempat yang berfungsi sebagai kod dalam novel kedua-dua pengarang tersebut. Keadaan ini memberi peluang kepada pengkaji bagi melakukan kajian perbandingan yang melibatkan Grisham dengan Ramlee bagi melengkapkan

korpus ilmu berkaitan genre triler serta warna setempat.

## 1.7 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan kaedah yang dilakukan dalam sesebuah kajian. Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan ialah kaedah analisis tekstual. Kaedah ini hanya mengkaji novel triler yang terpilih sahaja. Teori genre diteliti terlebih dahulu bagi mengenalpasti genre setiap novel-novel pilihan. Teori ini dibincangkan dalam Bab 2 bagi mengenal pasti ciri-ciri genre triler. Memandangkan teks-teks yang dipilih dihasilkan oleh pengarang triler, maka teori genre digunakan bagi mengklasifikasikan dan menerangkan jenis triler yang dibawa oleh kedua-dua pengarang berkenaan. Bagi menganalisis novel pula, teori kod merupakan teori utama yang digunakan bagi melihat sama ada terdapat kod-kod dalam penulisan novel-novel berkenaan. Teori kod ini penting dalam memperlihatkan sama ada warna setempat memenuhi kriteria kod sastera ataupun tidak. Dalam kaedah kajian ini juga turut melihat kepada warna setempat menerusi konsep etnografi. Meskipun mengikut konsep etnografi, namun kajian hanya menyentuh kepada aspek warna setempat sahaja. Konsep etnografi ini penting untuk difahami bagi mengenalpasti warna setempat yang terakam dalam setiap novel kajian tersebut.

Arthur Asa Berger mendefinisikan genre sebagai, *a French term that means "kind" or "class"* (1992: xi). Menurut M. H. Abrams, genre adalah, *a term, French in origin, that denotes a recurring type of literature, or as we now often call it, a "literary form"* (1993: 75). Heather Dubrow memberikan takrifan genre, *as its etymological roots in the Latin word genus (kind) would suggest, 'genre' basically alludes to*